

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN GURU ALIRAN TEKNIKAL

Ainudin Yacob, Abdullah Mat Rashid@Mat Idris  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran guru aliran teknikal di Gombak. Responden kajian terdiri daripada 200 orang pelajar teknikal dalam kursus Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal. Kajian ini dilakukan dengan kaedah tinjauan melalui pengedaran borang soal selidik. Instrumen kajian terdiri daripada dua bahagian A dan B dengan respon Skala *Likert* 1 hingga 5. Data dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 19.0*. Kedua-dua ujian statistik iaitu deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini. Analisis deskriptif iaitu peratus, min dan sisihan piawai digunakan bagi menerangkan tahap penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar. Analisis inferensi yang digunakan ialah ujian korelasi Pearson. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan signifikan antara kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru dengan penghayatan nilai murni pelajar. Dapatan menunjukkan tahap penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar aliran teknikal adalah tinggi ( $M=4.42$ ,  $SD= .22$ ). Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara pelajar aliran Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Pengajian Kejuruteraan Awam. Begitu juga tiada perbezaan signifikan antara pelajar aliran Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik. Manakala, hasil ujian korelasi Pearson dengan nilai  $r=.86$ ,  $p<0.01$  menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni dengan penghayatan nilai murni pelajar.

### Pendahuluan

Dalam pendidikan masa kini penerapan nilai murni merentasi kurikulum akan dapat membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab untuk mempertahankan nilai yang baik sebagai asas mewujudkan kesejahteraan, keamanan dan kemajuan. Menurut Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini Dan (1992) pendidikan dan penerapan nilai tidak boleh dipisahkan dan mempunyai hubungan yang sangat akrab. Penekanan kepada persoalan nilai-nilai murni bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 yang menggalakkan guru-guru melaksanakan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988a, 1988b, 1990). Penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, malah diterapkan melalui semua matapelajaran yang diajar di sekolah, melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum (Nor Hashimah Hashim, 2000)

Menurut Ali Suradin dan Eni Eryanti (2005) setiap strategi penerapan nilai murni yang dilaksanakan oleh pihak sekolah mestilah dapat meningkatkan tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar dan seterusnya dapat membentuk disiplin dalam diri agar tidak melakukan sebarang kesalahan yang bertentangan dengan nilai-nilai murni yang telah diterapkan. Penghayatan nilai akan dapat membentuk kehalusan jiwa dan seterusnya akan dapat melahirkan peribadi pelajar yang lebih berdisiplin dan seimbang. Penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar akan tercapai sekiranya pelajar menghayati nilai-nilai murni yang diterapkan membentuk peribadi dan sahsiah diri yang utuh, kental dan padu (Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin, 1988). Pengetahuan dan penghayatan tentang aspek penerapan nilai murni sebenar dipengaruhi oleh sikap, amalan dan tindakan seseorang (Abdul Rahim Abd. Rashid, 2001).

Kesedaran tentang pentingnya penghayatan di dalam penerapan nilai murni merupakan fokus utama bagi memastikan tercapainya matlamat kesepaduan pendidikan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, demi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Penghayatan nilai murni akan membolehkan seseorang itu membuat keputusan yang wajar dan bertanggungjawab ke atas akhlak dan perilakunya yang membentuk sikap dan pemikiran (Mohd. Arif Hj. Ismail, Mohd Jasmy Abdul Rahman & Rosnaini Hj. Mahmud, 2005).

Peningkatan dan perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Korea Selatan berlaku kerana struktur ekonominya yang berasas perindustrian sejak awal tahun 1970. Faktor ini

memerlukan tenaga kerja yang banyak terutama di sektor teknik dan vokasional, khususnya dalam sektor industri berat dan kimia. Kerajaan Korea Selatan perlu mengambil tanggungjawab yang drastik dalam usaha meningkatkan tenaga sumber berkaitan teknik dan vokasional. Secara tak langsung pendidikan teknik dan vokasional menjadi penting di Korea pada tahun 1976. Keadaan ini juga telah menyebabkan peningkatan terhadap bilangan pelajar teknik dan vokasional di semua peringkat persekolahan.

Di Malaysia, senario ini juga berlaku apabila Malaysia ingin menjadi negara industri berteknologi tinggi, berdaya saing dan global. Oleh itu, rancangan dan pelaksanaan menubuhkan lebih banyak institusi latihan guru teknik dan vokasional perlu dilakukan secara komprehensif dalam usaha negara menuju ke arah Wawasan 2020 iaitu Malaysia menjadi sebuah negara maju. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti penerapan nilai murni dalam pengajaran guru aliran teknikal terhadap penghayatan nilai murni pelajar. Objektif kajian ini dijalankan untuk :

1. Mengetahui pasti penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar.
2. Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru matapelajaran pengajian kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik.
3. Mengetahui pasti perbezaan penghayatan nilai murni pelajar berdasarkan aliran pengajian.
4. Mengetahui pasti hubungan antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik dengan penghayatan nilai murni pelajar.

### **Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Guru**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan terkandung hasrat negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Dalam aspek penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran di dapati ada beberapa masalah yang timbul. Ini kerana guru masih menumpukan kepada penyampaian isi kandungan matapelajaran dan pencapaian akademik pelajar-pelajar sahaja. Guru kurang menguasai prinsip, kaedah dan teknik penerapan nilai dalam pengajaran, tidak dapat pendedahan yang cukup berhubung dengan penerapan nilai dan menghadapi kesuntukan masa untuk menjalankan strategi penanaman nilai dalam pengajaran.

Asmawati Suhid, Rahil Mahyuddin dan Abdul Rahman Md. Aroff (2001) penerangan atau guru merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi persepsi dan kefahaman pelajar tentang nilai murni kerana penerangan atau guru merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar. Guru merupakan komponen utama dalam proses pengajaran bilik darjah, selain daripada pelajar dan kurikulum (Mohd Uzi Dolah, 2007). Menurut (Anuar Ahmad, 2009) masalah disiplin dan krisis moral yang wujud pada masa kini adalah berpunca sebahagian besarnya daripada amalan pembelajaran pembangunan yang gagal di sekolah.

Guru merupakan faktor yang kritis dalam menentukan kejayaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Tanpa kehadiran guru yang baik dari segi akhlak, intelektual, emosi, kreativiti, motivasi mengajar, kemahiran membimbing, dan keterampilan memimpin, pembelajaran bilik darjah jadi kurang berkesan (Nik Azis Nik Pa, 1996). Guru berperanan membentuk pelajar-pelajar di sekolah. Guru berperanan untuk mendidik dalam membentuk nilai dan akhlak pelajar bukan sahaja bertugas untuk mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan (Apidah Abu Naim, 2008). Penerapan nilai dan agama boleh diterapkan dalam mata pelajaran yang diajar (Wan Mohd. Zahid Wan Noordin, 1993).

Guru perlu penerapan nilai berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan menjadi nilai inti (*core values*) dalam pengajaran (Rahimah Hj. Ahmad & Chang Lee Hon, 1997). Menurut Abdul Latif Samian (2001) menjelaskan bahawa seharusnya agama dijadikan asas untuk falsafah moral kerana kepercayaan agama memudahkan hidup yang beretika dan mengamalkan nilai murni. Guru perlu melaksanakan tugas dalam aspek ini bagi merealisasikan hasrat yang ingin dicapai oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.


Menurut Abd. Rahim Abd Rashid (2001) pengetahuan dan nilai merupakan asas penting dalam membina kekuatan intelektual dan moral manusia. Kajian Robiah Kulop Hamzah (2001) mendapati guru hanya menggunakan prinsip asas penanaman nilai yang pertama iaitu prinsip

mengajar nilai untuk tujuan memberi pengetahuan nilai kepada pelajar daripada tiga prinsip asas penanaman nilai iaitu mengetahui nilai, memahami nilai dan menghayati nilai. Aspek penghayatan wajar dikaji kerana ia merangkumi aras yang lebih tinggi iaitu dengan menggabungkan aras aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian manakala aspek pengetahuan dan kefahaman adalah aras bawah untuk diuji dan dikaji (Bloom, 1979). Nilai-nilai murni dapat dipupuk secara formal dan tidak formal. Masyarakat dan anggota keluarga memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai dan sahsiah individu yang positif secara tidak formal. Pemupukan nilai ini lebih terarah jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas strukturnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

### **Kefahaman , Penghayatan dan Amalan Nilai Murni**

Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) menegaskan bahawa walaupun pengetahuan tentang nilai diperlukan, ia mesti diperkukuhkan dengan kesedaran, keyakinan, penghayatan dan amalan. Ini hanya dapat dilaksanakan apabila sekolah yang dianggap sebagai “institusi yang menyedarkan nilai” yang terbaik dapat menyediakan peluang yang mencukupi untuk pelajar menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni tersebut (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990). Menurut Khatijah Rohani Mohd. Yunus (2008) hari ini banyak daripada amalan dan proses pendidikan menyumbang ke arah pembentukan nilai dalam diri generasi muda semakin berkurangan. Ini kerana pendidikan hari ini terlalu memfokuskan kepada kejayaan akademik yang menyebabkan pendidikan afektif diabaikan.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) telah menggariskan antara ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhlak mulia ialah mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni, menghayati, segala nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan seterusnya mengamalkan perlakuan yang baik dan menghindari perlakuan yang buruk. Menurut Abd. Rahim Abd Rashid (2001) pengetahuan dan nilai merupakan asas penting dalam membina kekuatan intelektual dan moral manusia. Kajian Robiah Kulop Hamzah (2001) mendapati guru hanya menggunakan prinsip asas penanaman nilai yang pertama iaitu prinsip mengajar nilai untuk tujuan memberi pengetahuan nilai kepada pelajar daripada tiga prinsip asas penanaman nilai iaitu mengetahui nilai, memahami nilai dan menghayati nilai. Aspek penghayatan wajar dikaji kerana ia merangkumi aras yang lebih tinggi iaitu dengan menggabungkan aras aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian manakala aspek pengetahuan dan kefahaman adalah aras bawah untuk diuji dan dikaji (Bloom, 1979). Nilai-nilai murni dapat dipupuk secara formal dan tidak formal. Masyarakat dan anggota keluarga memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai dan sahsiah individu yang positif secara tidak formal. Pemupukan nilai ini lebih terarah jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas strukturnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) menjelaskan bahawa pengetahuan dan kefahaman nilai akan menimbulkan kesedaran dan penghayatan dan seterusnya akan membentuk sikap, amalan dan tindakan. Ini jelas dapat dilihat seperti rajah 1.1. Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) turut menjelaskan bahawa dengan pengetahuan dan kefahaman nilai yang baik dan mantap tentang sesuatu perkara seseorang dapat bertindak dengan waras dan bijaksana dalam menangani masalah yang dihadapi seterusnya membentuk sikap, amalan dan tindakan yang baik. Selma Ahmad (2006) menyatakan guru perlu membuat refleksi sendiri demi meningkatkan lagi perkhidmatan mereka yang murni itu. Mereka seharusnya memahami kepentingan menyerap, menghayati dan mengaplikasikan amalan nilai murni, sebagai contoh dan teladan kepimpinan.



**Rajah 1.1 : Hubungan pengetahuan, penghayatan dan nilai (sumber : Abd. Rahim Abd Rashid, 2001)**

Berdasarkan kerangka model Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.1 menunjukkan bahawa aspek penghayatan merupakan satu elemen penting yang mempengaruhi amalan dan tindakan seseorang dan ia perlu dikaji terhadap golongan pelajar sekarang ini kerana permasalahan gejala sosial yang semakin meruncing dan kepincangan nilai yang wujud. Penerapan nilai murni mudah di rancang tetapi pelaksanaannya banyak bergantung pada pemahaman dan penghayatan tentang konsep nilai, peranan nilai dalam pengajaran guru.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauandeskriptif. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian tinjauan deskriptif mampu menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi (Craswell,2005). Ary, Jacobs, Razavieh dan Sorenson (2006) juga menjelaskan kaedah tinjauan deskriptif ini sesuai digunakan untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku.

Dalam menentukan saiz sampel, Ary et. al. (2006) berpendapat terdapat dua kriteria utama sampel iaitu mewakili populasi (representative) dan sampel yang mencukupi dan dapat menggambarkan ciri-ciri populasi (*adequancy*). Othman Mohamed (2001) menjelaskan saiz sampel yang munasabah bagi sesuatu tujuan kajian berkait dengan reka bentuk kajian yang dipilih dan hendaklah boleh mewakili populasi yang dikaji. Menurut Mohd. Majid Konting (2004) penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 sampel kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30.

Pengkaji menyemak pengiraan saiz sampel berdasarkan kepada jadual yang dikeluarkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), didapati bilangan sampel yang perlukan adalah seramai 200 orang. Pengkaji telah menetapkan jumlah saiz sampel yang dinyatakan Krejcie dan Morgan (1970) akan digunakan dalam kajian ini iaitu seramai 200 orang pelajar dari sebuah sekolah menengah vokasional di Gombak.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Taburan Responden Mengikut Aliran Pengajian**

Berdasarkan Jadual 1, taburan responden mengikut jantina secara keseluruhannya terdiri daripada lebih ramai pelajar lelaki berbanding perempuan iaitu pelajar lelaki seramai 143 orang (71.5%) manakala pelajar perempuan seramai 57 orang (28.5%).

**Jadual 1 : Taburan responden mengikut aliran pengajian**

<b>Taburan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	143	71.5
Perempuan	57	28.5
<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
<b>Aliran Pengajian</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
PengajianKejuruteraan Mekanikal	69	34.5
Pengajian Kejuruteraan Awam	69	34.5
Pengajian Kejuruteraan Elektrik	62	31.0
<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>	<b>100</b>

Daripada jumlah keseluruhan responden, 69 orang (34.5 %) daripadanya adalah responden aliran Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Manakala responden daripada pelajaran aliran Pengajian Kejuruteraan Awam seramai 69 orang (34.5%) dan pelajar daripada aliran Pengajian Kejuruteraan Elektrik seramai 62 orang (31%).

**Mengenal pasti penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar.**

Jadual 2 menunjukkan tahap penghayatan nilai murni secara keseluruhan. Secara keseluruhan penghayatan nilai murni adalah tinggi iaitu min 4.42 dengan sisihan piawai .23 (nilai julat skor likert 1 hingga 5)

**Jadual 2 : Tahap penghayatan murni pelajar**

	<b>Min</b>	<b>SP</b>
<b>Penghayatan Nilai Murni</b>	4.42	.23

**Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan 17 Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik.**

Bedasarkan Jadual 3 dapatan menunjukkan skor min keseluruhan persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni bagi keseluruhan tiga matapelajaran yang dikaji adalah tinggi. Ini memberikan gambaran bahawa guru sangat kerap menerapkan 17 nilai murni semasa sesi pengajaran.

**Jadual 3 : Kekerapan penerapan nilai murni pelajar .**

<b>Dimensi Nilai Murni</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
Baik hati	4.40	.41
Berdikari	4.38	.44
Hemah tinggi	4.38	.49
Hormat	4.38	.49
Kasih Sayang	4.35	.43
Keadilan	4.30	.58
Kebebasan	4.34	.60
Keberanian	4.35	.47
Kebersihan	4.38	.47
Kejujuran	4.34	.52
Kerajinan	4.39	.45
Kerjasama	4.39	.45
Kesederhanaan	4.41	.51
Kesyukuran	4.43	.54
Rasional	4.36	.48



Semangat bermasyarakat	4.32	.48
Patriotisme	4.33	.48

Kalau diperhatikan dalam jadual, lima nilai murni yang tertinggi diterapkan dalam pengajaran ialah baik hati (M=4.40, SP=.41), kerajinan (M=4.39, SP=.45), kerjasama (M=4.39, SP=.45) kesyukuran (M=4.43, SP=.54) dan rasional (M=4.36, SP=.48). Manakala lima nilai murni yang terendah dalam pengajaran guru, berdasarkan jadual pula ialah keadilan (M=4.30, SP=.58), kebebasan (M=4.34, SP=.60) kejujuran (M=4.34, SP=.52), semangat bermasyarakat (M=4.32, SP=.48) dan patriotisme (M=4.33, SP=.48).

**Perbezaan Penghayatan Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik.**

Perbezaan penghayatan nilai murni berdasarkan aliran pengajian iaitu antara responden aliran Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik. Melalui petunjuk min, jelas menunjukkan responden aliran Pengajian Kejuruteraan Mekanikal mempunyai penghayatan lebih tinggi berbanding responden pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam. Perbezaan min antara pelajar Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam ialah .11498. Perbezaan min yg signifikan iaitu ( $p=.005$ ).

**Jadual 4: Perbezaan penghayatan nilai murni pelajar mengikut aliran**

Aliran	Aliran	Perbezaan Min	$P < .005$
PKM	PKA	.11498	.005
PKA	PKE	-.11545	1.000
PKE	PKM	.00048	1.000

Manakala petunjuk min menunjukkan pelajar Pengajian Kejuruteraan Elektrik mempunyai penghayatan lebih tinggi berbanding pelajar Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Perbezaan min antara pelajar Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan pelajar Pengajian Kejuruteraan Mekanikal ialah .00048 tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p=1.000$ ). Petunjuk Min juga menunjukkan pelajar Pengajian Kejuruteraan Elektrik mempunyai penghayatan lebih tinggi berbanding Pengajian Kejuruteraan Awam. Perbezaan min antara pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pelajar Kejuruteraan Elektrik ialah -.11545 dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ( $p=1.000$ ).

**Hubungan Antara Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Guru Aliran Teknikal dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.**

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 5, dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru aliran teknikal dengan penghayatan nilai murni pelajar ( $r=.86$ ,  $p<.01$ ). Ini menjelaskan semakin tinggi penghayatan nilai murni pelajar. Dapatan menunjukkan hubungan positif yang kuat dan signifikan antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru aliran teknikal dengan penghayatan nilai murni pelajar.

**Jadual 5 : Hubungan Antara Kekerapan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Guru Dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.**

	Penghayatan Nilai Murni	$p$
Penerapan Nilai Murni	.864	0.01

**Perbincangan**

Dapatan ini selari dengan kajian Zakaria Kasa et al. (1994) berkaitan persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni oleh guru SMKA yang mendapati nilai murni yang kurang diterapkan iaitu nilai semangat bermasyarakat dan nilai kebebasan. Begitu juga dapatan kajian ini selaras dengan kajian Zaridah Othman (2005) yang mendapati antara nilai murni yang jarang diterapkan yang menunjukkan skor min yang rendah ialah keadilan dan kebebasan. Mereka



merasakan nilai murni tersebut sukar direalisasikan melalui aktiviti tertentu serta nilai-nilai tersebut tidak begitu popular atau asing bagi guru itu kerana guru kurang jelas dengan maksudnya (Zakaria Kasa et al,1996).

Dapatan menunjukkan persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni bagi ketiga-tiga mata pelajaran yang dikaji adalah tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Chang Lee Hoon (2006) yang juga mendapati bahawa guru sekolah rendah seramai 97% bersetuju bahawa setiap guru menerapkan nilai. Dapatan ini juga bersesuaian dengan pandangan King dan Reiss (1993) yang menjelaskan bahawa kurikulum memberi sumbangan untuk mengembangkan nilai dan budaya yang pelbagai. Ibnu Khaldun (1995) juga menyatakan setiap mata pelajaran dan kursus hendaklah diserapkan dengan nilai murni dan kerohanian. Ee Ah Meng (1996) juga menegaskan bahawa tugas menerapkan nilai murni merupakan tanggungjawab setiap guru matapelajaran di sekolah bukan sahaja terletak di bahu guru Pendidikan Moral. Guru-guru yang mengabaikan peranan menerapkan nilai kepada pelajar, Guru yang gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai pandidik yang baik adalah guru-guru yang mengabaikan peranan menerapkan nilai kepada pelajar.

Secara keseluruhan daripada ujian yang dijalankan didapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghayatan nilai murni berdasarkan aliran pengajian. Analisis juga menunjukkan tidak semua dimensi nilai murni menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan aliran pengajiaan. Perbezaan yang signifikan berlaku antara aliran Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dengan Pengajian Kejuruteraan Elektrik sahaja. Manakala antara Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Pengajian Kejuruteraan Awam tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Dapatan kajian ini hamper selari dengan kajian Allport, Vernon dan Lindzey (dalam Baker,1976) yang mendapati pelajar yang berlainan pengkhususan mempunyai profil nilai yang berbeza. Begitu juga dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Feather (1970) yang mendapati terdapat perbezaan bidang pengajian. Dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian Mohamad Khairi Hj.Othman dan Muhammad Dzahir Kasa (2008) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman moral berdasarkan bidang pengajian pelajar.

Skop penghayatan akhlak, kemahiran insaniah, moral dan etika profesional dan kefahaman moral antara sebab yang boleh dikaitkan dengan perbezaan dapatan kajian ini. Dalam kajian Ahmad Munawar Ismail (2009), Abdul Rahman Md. Aroff et.al (2007) dan Mohamad Khairi Hj Othman dan Muhamad Dzahir Kasa (2008) adalah terhad kepada beberapa aspek tertentu sahaja berbanding meliputi 17 nilai murni yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia digunakan dalam kajian ini.

Hubungan Persepsi Pelajar terhadap penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan Pengajian Kejuruteraan Elektrik mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan persepsi pelajar terhadap penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran bagi ketiga-tiga mata pelajaran yang dikaji mempunyai tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Ini bermakna kekerapan guru menerapkan nilai murni dalam pengajaran tidak mempengaruhi penghayatan nilai murni pelajar.

Dapatan kajian ini tidak selaras dengan kajian Teuku Ramli Zakaria (1997) yang mendapati terdapat kolerasi yang positif antara pengajaran "Pendidikan Pancasila" dengan perkembangan sikap moral pelajar. Dapatan kajian ini juga mengembangkan lagi penemuan kajian Ab. Halim Tamuri (2000) yang mendapati kekerapan yang tinggi pengajaran nilai-nilai murni dalam beberapa mata pelajaran lain selain pendidikan islam akan meningkatkan tahap pengetahuan akhlak pelajar, malah kajian ini akan meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar.

Hasrat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) yang menekankan kepentingan nilai diterapkan kepada pelajar dalam melahirkan pelajar yang baik. Ia juga selaras dengan kenyataan bahawa objektif penerapan nilai murni ialah untuk membentuk pelajar supaya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh memberi kebaikan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara (Wan Hasmah wan Mamat,2000).

Guru memainkan peranan yang penting di sekolah dan bertanggungjawab untuk membangunkan kesedaran dan penghayatan nilai pelajar (Wan Hasmah Wan Mamat, 2000). Perkara ini juga selaras dengan kajian Syed Najmudin Syed Hassan (2005) bahawa guru bukan sahaja berperanan menentukan kecemerlangan akademik malah guru bertanggungjawab

membentuk peribadi dan tingkah laku pelajar. Malah menurut Kim Suh dan Traiger (1999), dalam pengajaran guru proses penerapan nilai amat penting secara berterusan kerana terdapat beberapa komponen yang jelas menunjukkan keperluan dan kepentingannya kepada pembangun pelajar.

Guru yang mengajar dari pelbagai mata pelajaran haruslah lebih berperanan memberi kesedaran tentang nilai dan moral kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dari keprihatinan terhadap penanaman nilai dan moral akan memberi kesan yang positif di dalam pembangunan nilai pelajar (Mohamad Khairi Hj. Othman & Asmawati Suhid, 2010).

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, (2000). *A study of students' knowledge of akhlaq in the Malaysian secondary schools (with special reference to the Islamic education KBSM)*. Unpublished doctoral thesis. University of Birmingham.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Apidah Abu Naim. (2008). *Profil personaliti guru-guru prasekolah berdasarkan MBTI*. Disertasi sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Munawwar Ismail. (2009). *Pengetahuan akidah dan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A., & Sorensen, C. (2006). *Introduction to research in education* (7<sup>th</sup> ed.). Canada : Thomson Wadsworth.
- Ali Suradin & Eni Eryanti. (2005) Prosiding Seminar Pendidikan JPPG. *Penghayatan Nilai-nilai Murni Kearah Pembentukan Displin Pelajar*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Asmawati Suhid, Rahil Mahyuddin & Abdul rahman Md Aroff. (2001, Mei). *Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap Pendidikan Moral*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baker, C.R. (1976). An investigation of differences in values: Acaounting majors vs nonaaccounting majors. *The accounting Review*, 11 (4): 886-893.
- Bloom, Benyamin S. (1979). *Taksonomy of Educational Objectives (the Clasification of Educational Goals) Handbook 1 Cognitive Domain*: London: Longman Group Ltd.
- Creswell, J.w. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (2<sup>nd</sup> ed.). New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Chang Lee Hoon. (2006). Teacher s as agents of values: Malaysian Perspective. *Jurnal Pendidikan*, 26: 51-60.
- Ee Ah Meng. (1996). *Pendidikan di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan , Guru dan Sekolah*. Shah Alam:Fajar Bakti.
- King, A. S., B. & Traiger, J. (1993). *The multicultural dimension of the national curriculum*. London: Falmer Press.
- Kim Suh, B. & Traiger, J. (1999). Teaching values through elementary social studies and literature curricula. *Education*, 119 (4): 273-278.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities, *Educational and Psychological Measurement*, 30 : 608-619.
- Khatijah Rohani Mohd Yunus. (2008, Julai). *Pembentukan tingkahlaku pro sosial dan insan berkualiti*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen Nasional Keenam Mengenai Pendidikan, Kuala lumpur.
- Mohd Uzi Dollah. (2007). *Penerapan nilai dalam pengajaran guru matematik sekolah menengah: Satu kajian kes*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Khairi Hj. Othman & Asmawati Suhid. (2010). *Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan*. SEA Journal of General Studies, 11, 117-130.





- Nor Hashimah Hashim. (2000). *Pemahaman guru terhadap penerapan nilai-nilai murni di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah*. Laporan penyelidikan Pusat pengajian Ilmu pendidikan Universiti Sains Malaysia
- Nik Azis nik Pa. (1996). Pendidikan dan nilai di Malaysia: Satu analisis tentang konsep dan realiti dari perspektif bersepadu. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 19 (2):1-22.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR/ KBSM*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Robiah Kulop Hamzah. (2001). Kajian terhadap penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah rendah di Hulu Langat, Selangor. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan . Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimah Hj. Ahmad & Chang Lee Hon. (1997). Pendidikan moral dan nilai adalah asas meningkatkan martabat profesion perguruan. *Prosiding Pendidikan Moral dan Nilai* (hlm. 17-26). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Khairi Hj. Othman & Muhamad Dzahir Kasa. (2008, Julai). *Kefahaman konsep moral dalam kalangan pelajar IPT: kajian dari aspek faktor demografi dan latar belakang sekolah*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Akhlak dan Moral, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nik Azis nik Pa. (1996). Pendidikan dan nilai di Malaysia: Satu analisis tentang konsep dan realiti dari perspektif bersepadu. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 19 (2):1-22.
- Teuku Ramli Zakaria. (1997) *Peranan pengajaran pendidikan "Pancasila" dalam pembinaan sikap moral pelajar sekolah menengah umum tingkat atas di daerah khusus Ibukota Jakarta*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul majid Mohd Isa & Rahil Hj. Mahyuddin. (1996). Penerapan nilai murni merentas kurikulum: *Satu Tinjauan*. Laporan penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.